

Headline	Protes antigay di Vatican, Paris		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	115,967
Page No	48	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,321
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,964



Protes antigay di Vatican, Paris

PARIS - Ratusan ribu orang termasuk penganut agama Islam mengadakan tunjuk perasaan bagi membantah perkahwinan gay di bandar raya ini semalam.

Protes itu diadakan bagi membantah tindakan Presiden Perancis, Francois Hollande untuk membenarkan perkahwinan gay.

Sebanyak 900 buah bas digunakan untuk membawa para penunjuk perasaan di lokasi tunjuk perasaan di sini.

Tunjuk perasaan tersebut dihadiri oleh pelbagai penganut agama termasuk Kristian.

"Kami mahu draf undang-undang perkahwinan gay itu ditarik balik," kata seorang penganjur penunjuk perasaan, Patricia Soulier.

Beliau membuat kenyataan itu kepada stesen televisyen *BFM-TV* sebelum menaiki sebuah kereta api bagi menghadiri tunjuk perasaan tersebut.

Sebelum ini, Menteri Kehakiman, Christiane Taubira menganggap undang-undang perkahwinan itu sebagai satu perubahan terhadap tamadun manusia.

Beberapa wanita yang tidak

berbaju dengan mendedahkan payudara turut diadakan di Vatican yang merupakan tempat tinggal Ketua Gereja Kristian Katolik, Benedict XVI.

Bagaimanapun, beberapa anggota polis menangkap wanita-wanita tersebut.

Kumpulan wanita itu mengadakan tunjuk perasaan bagi menentang perkahwinan gay.

Mereka merupakan anggota pertubuhan pembela hak wanita yang dikenali sebagai FEMEN. - Agensi



SEJUMLAH penunjuk perasaan menghadiri tunjuk perasaan menentang perkahwinan gay di Paris semalam. REUTERS



SEORANG anggota polis menangkap seorang wanita yang tidak berbaju pada tunjuk perasaan menentang perkahwinan gay di sebuah dataran di Vatican semalam. AFP